

26 AUG 2003

I

DR MAHATHIR DAN PRESIDEN MEGAWATI BINCANG ISU DUA HALA KHAMIS INI

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Megawati Soekarnoputri akan berbincang mengenai pelbagai isu kepentingan bersama dan bidang kerjasama bagi memperkukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia pada Khamis ini.

Perbincangan dua hala mungkin tertumpu kepada isu seperti pendatang tanpa izin dan pekerja haram, perdagangan dan pelaburan, kerjasama dalam bidang pendidikan, masalah jerebu, pelancongan dan pengangkutan, kata Wisma Putra dalam kenyataannya di sini hari ini.

Presiden Megawati akan melakukan lawatan kerja dua hari ke Malaysia mulai Khamis sempena Perbincangan Tahunannya dengan Dr Mahathir yang akan diadakan di Kuching.

Menurut kenyataan itu, isu-isu serantau dan antarabangsa akan turut dibincangkan dan mungkin menyentuh tentang keganasan antarabangsa, Sidang Kemuncak Asean, Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) serta isu kepentingan bersama yang lain.

Aturcara lawatan Presiden Megawati termasuk kunjungan hormat oleh Dr Mahathir, mesyuarat tertutup antara kedua-dua pemimpin dan diikuti dengan mesyuarat delegasi.

Dr Mahathir akan meraikan Presiden Indonesia itu pada jamuan makan malam pada Khamis.

Presiden Megawati akan diiringi oleh suaminya, Taufiq Kiemas serta beberapa menteri dan pegawai kanan pada lawatan itu.

-- BERNAMA

MUN KHY DC MOZ